

30 OCT 1998

BRUNEI-KAWALAN MATAWANG/I

BRUNEI PUJI KAWALAN MATAWANG M'SIA SBG LANGKAH BIJAK

Oleh: E.Sivabalan

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Okt (Bernama) -- Brunei menyifatkan kawalan matawang Malaysia sebagai satu "langkah bijak," sambil menyatakan Kuala Lumpur harus mengambil tindakan berdasarkan kepada keperluannya sendiri.

Menteri Industri dan Sumber Utama Brunei, Pehin Dato Haji Abdul Rahman Mohd Taib berkata hanya Malaysia sahaja yang mengetahui langkah terbaik untuk menangani kegawatan ekonomi dan kewangannya.

"Apa juga penyakit yang anda hidapi, andalah orang yang terbaik untuk menilai sendiri (apakah penawarnya). Terdapat penawar yang perlu diambil," katanya kepada pemberita Malaysia selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini, hari ini.

Dr Mahathir tiba di sini semalam untuk lawatan bekerja selama dua hari.

Malaysia telah memperkenalkan langkah kawalan matawang pada awal September tahun ini yang menjadikan ringgit tidak sah diperlakukan di luar Malaysia dalam usaha untuk mengekang spekulator matawang. Pada masa yang sama juga kerajaan menetapkan ringgit pada RM\$3.80 setiap dolar Amerika.

Abdul Rahman berkata Brunei tidak berada di kedudukan yang sama seperti Malaysia.

Beliau berkata Brunei, bagaimanapun, berharap "saudaranya" (Malaysia) akan dapat mengatasi masalah ekonomi dengan segera.

Apabila ditanya apa yang diharapkan oleh Brunei di sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) Kuala Lumpur bulan depan, Abdul Rahman berkata Brunei menganggap sidang kemuncak itu sebagai penting, sambil menambah adalah perlu bagi negara itu untuk menyertai mesyuarat tersebut untuk memastikan pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara kecil.

Beliau juga mengesahkan Sultan Hassanal Bolkiah akan menghadiri sidang kemuncak itu.

Apabila ditanya sama ada Brunei akan menyokong sebarang cadangan bagi peraturan dalam dagangan matawang di Sidang Kemuncak Apec, beliau berkata: "Kami sedang meninjaunya dengan fikiran terbuka dan mempertimbangkannya secara aktif."

-- BERNAMA

ES ZK MA